

Kebajikan 50,000 pelaut terjamin

Lumut: Kebajikan lebih 50,000 pelaut tempatan, selain kira-kira 1.5 juta pelaut seluruh dunia yang bekerja atau berurusan di pelabuhan negara ini, akan lebih terjamin dengan pelaksanaan Konvensyen Buruh Maritim 2006, berkuatkuasa sepenuhnya pada 20 Ogos ini.

Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia Datuk Kapten Ahmad Othman (*gambar*) berkata, Malaysia akan menguatkuasakan konvensyen itu yang digunapakai bagi memastikan kebajikan pelaut dibela dari segi perubatan, tempat tinggal dan sebagainya.

"Dengan adanya konvensyen itu, hak dan kepentingan pelaut akan lebih terjaga... jika dulu nasib pelaut diabaikan atau tidak terjaga, kini kebajikan mereka akan terjamin.

"Sebagai contoh, jika pelaut tertinggal di pelabuhan luar negara, konvensyen ini menetapkan pihak syarikat atau majikan perlu ambil tindakan sewajarnya seperti

mengaturkan untuk membawa pelaut berkenaan pulang atau menyediakan tempat tinggal sementara," katanya selepas merasmikan Hari Pelaut Peringkat Kebangsaan di Marina Island Resort, semalam.

Menerusi penguatkuasaan konvensyen itu, sebarang konflik membabitkan kebajikan pelaut akan diselesaikan secara bersama oleh Jabatan Laut Malaysia sebagai wakil kerajaan, manakala wakil syarikat perkapalan adalah Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA) dan pelaut pula diwakili Kesatuan Pelaut Semenanjung Malaysia (NUSPM).

Ahmad berkata, Malaysia sebahagian daripada 58 negara yang menjadi anggota Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO) menerima pakai Konvensyen Buruh Maritim 2006 itu dan ketika ini, ada 174 negara yang menjadi ahli ILO.

Beliau berkata, kerjaya pelaut kini semakin diminati oleh golongan muda dan di-



buktikan apabila lebih 1,000 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memohon menjadi kadet pelatih di Akademi Laut Malaysia (ALAM) tahun ini.

Katanya, bagaimanapun ALAM hanya mengambil kira-kira 200 pelatih saja bukan kerana tidak berkemampuan untuk melatih lebih ramai kadet, tetapi kerana kebanyakan pelatih tidak ditaja oleh syarikat perkapalan sedangkan salah satu keperluan untuk lulus sebagai pelaut atau pegawai laut ialah mendapat pengalaman bertugas di atas kapal.